

LESEN PENIAGA SEKENDHEND

Garis Panduan Am Permohonan Lesen/Kelulusan/Permit melalui BLESS

- Permohonan lesen/kelulusan/permit melalui BLESS boleh dilakukan oleh pemohon daripada individu, syarikat, perniagaan, koperasi, pertubuhan persendirian, agensi kerajaan, perunding dan institusi.
- Pemohon mestilah terlebih dahulu mendaftar sebagai individu dalam BLESS dan seterusnya mendaftarkan entiti yang diwakilinya sama ada syarikat, perniagaan, koperasi, pertubuhan, agensi kerajaan, perunding atau institusi. Maklumat profil syarikat dan perniagaan dalam BLESS harus diperolehi melalui proses *extraction* daripada sistem e-Info di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) terus ke dalam BLESS dan pemohon dikenakan bayaran sebanyak RM15.00 oleh SSM.
- Pemohon mesti memilih entiti yang diwakili sebelum meneruskan pemilihan lesen dan seterusnya mengisi borang atas talian bagi lesen tersebut.
- Sebarang pembayaran fi kepada agensi semasa proses permohonan boleh dibuat menggunakan fungsi e-Payment yang terdapat dalam BLESS (khusus bagi agensi yang telah mengaktifkan fungsi ini). Pembayaran juga boleh dibuat secara manual dan maklumat serta bukti pembayaran perlu dimaklumkan kepada agensi berkaitan.
- Bagi permohonan yang melibatkan *upfront payment* (pembayaran dibuat sebelum penghantaran permohonan), pembayaran perlu dibuat terlebih dahulu menggunakan fungsi e-payment (tiada pembayaran secara manual dibenarkan). Penyerahan permohonan tidak akan dibenarkan sehingga pembayaran tersebut dibuat.
- Pemohon dikehendaki untuk memuat naik dokumen-dokumen seperti yang disenaraikan di dalam garis panduan khusus bagi lesen berkaitan bersama borang permohonan yang lengkap bagi penyerahan melalui BLESS.
- Semua dokumen sokongan boleh dimuat naik melalui BLESS dalam semua jenis format dokumen (*Word, Excel, Powerpoint* dan sebagainya) melalui kemudahan muat naik yang disediakan.
- Pemohon juga boleh mengimbas dokumen-dokumen asal dan imej yang berkaitan menggunakan format jpeg atau format-format lain yang relevan untuk dimuat naik ke dalam BLESS.
- Sekiranya pemohon tidak dapat memuat naik dokumen-dokumen tertentu (lukisan-lukisan), sila serahkan dokumen tersebut secara manual (melalui pos atau datang sendiri ke kaunter) mengikut keperluan agensi berkenaan. Untuk sebarang penyerahan manual, pemohon mesti menyatakan nombor rujukan penyerahan BLESS di dalam setiap dokumen.
- Permohonan yang telah lengkap berserta dokumen sokongan boleh dihantar secara atas talian dalam BLESS dan notifikasi akan dihantar kepada pemohon melalui email.

**JENIS PANDUAN PERMOHONAN
PELESENAN AM**

BIL.	JENIS PANDUAN PERMOHONAN
1.	<p>Permohonan Lesen Peniaga Sekendhend</p> <p>Pemohon dikehendaki berurusan dengan Ibu Pejabat Polis Daerah berhampiran untuk mendapatkan borang permohonan Pol. 292 atau muat turun borang melalui laman web PDRM di www.rmp.gov.my. Permohonan diluluskan oleh Ketua Polis Negeri. Dokumen yang perlu disertakan seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none">I. Sesalinan Kad Pengenalan pemohon;II. 4 keping gambar pemohon;III. Sesalinan Memorandum & Articles Of Associations;IV. Sesalinan Sijil pendaftaran Syarikat (Form 9);V. Sesalinan senarai Lembaga Pengarah Syarikat/Ahli (Form 49);VI. Sesalinan Form 24 (Companies Act 1965 Return Of Allotment Of Shares);VII. Sesalinan Caruman KWSP Syarikat;VIII. Sesalinan Penyata Bank; danIX. Sesalinan Cukai Pendapatan.
2.	<p>Permohonan Pembaharuan Lesen Peniaga Sekendhend</p> <p>Pemohon dikehendaki berurusan dengan Ibu Pejabat Polis Daerah berhampiran untuk mendapatkan borang permohonan atau muat turun borang melalui laman web PDRM di www.rmp.gov.my.</p> <p>Lesen Peniaga Sekendhend</p> <ol style="list-style-type: none">I. Borang permohonan Pol. 292A;II. Lesen yang telah diluluskan;III. Sesalinan Sijil pendaftaran Syarikat (Form 9); danIV. Sesalinan Lesen Premis (di bawah Akta Kerajaan tempatan).